



## **Pembangunan Kerangka Persampelan: Kajian Tinjauan Kesihatan Mental Wanita Bekerja di Sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana**

### **Sampling Framework Development: a Survey for Mental Health among the Small and Medium Enterprises Working Women**

**Zaidi N.F<sup>1</sup>, Lee M. F.<sup>2\*</sup>**

<sup>1</sup>Faculty of Technical and Vocational Education,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

\*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/ojtp.2021.06.02.004>

Received 20 July 2021; Accepted 30 August 2021; Available online 30 September 2021

**Abstract:** The purpose of this article is to discuss the process of developing a sampling framework for a study with an infinite population so that this study can be implemented smoothly and further achieve the objective of this study, which is a survey of mental health among women working in the SME sector. A four-step sample design was used in the process of developing the sampling framework for this study. The findings of the use of the formula with reference to previous studies helped researchers get an estimate of the population of women working in SMEs as many as 97,962,912. With reference to Krejcie & Morgan's Sample size Table (1970), the required sample size is 384 people. However, to ensure that the results obtained are accurate and precise, the use of statistics is still required, such as sample size power and data distribution. It is hoped that the sampling framework of this study can be used as a reference for other researchers who conduct similar studies and face problems determining the sample size and sample selection.

**Keywords:** Sampling framework, population and sample size estimation, mental health, working women, small

**Abstrak:** Tujuan artikel ini adalah membincangkan proses pembangunan kerangka persampelan bagi kajian yang mempunyai populasi infiniti agar kajian ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan seterusnya mencapai objektif kajian ini iaitu tinjauan kesihatan mental dalam kalangan wanita bekerja di sektor PKS. Reka bentuk sampel empat langkah telah digunakan dalam proses pembangunan kerangka persampelan kajian ini. Dapatan penggunaan formula dengan merujuk kepada kajian lepas membantu penyelidik mendapat anggaran populasi wanita bekerja di PKS seramai 97,962,912, dengan merujuk kepada Jadual Saiz Sampel Krejcie & Morgan (1970), saiz sampel yang diperlukan adalah seramai 384 orang. Walau bagaimanapun, untuk memastikan hasil kajian yang diperoleh adalah jitu dan tepat, penggunaan statistik masih diperlukan seperti *sample size power* dan taburan data. Adalah diharapkan kerangka persampelan kajian ini dapat dijadikan rujukan kepada penyelidik lain yang menjalankan kajian serupa dan menghadapi masalah untuk menentukan saiz sampel dan pemilihan sampel.

**Kata Kunci:** Kerangka persampelan kajian, anggaran saiz populasi dan sampel, kesihatan mental, wanita bekerja, perusahaan kecil dan sederhana

## 1. Pengenalan

Pada zaman teknologi yang berkembang pesat ini, perubahan sosio-ekonomi Malaysia khususnya telah memberi kesan kepada peranan dan juga sumbangan yang dimainkan oleh wanita terhadap perkembangan dan kemajuan negara. Menurut Ismahalil (2017) dalam membincangkan peranan wanita dalam keluarga, perubahan telah berlaku pada peranan wanita sebagai isteri di dalam rumahtangga moden hari ini. Ini kerana wanita zaman kini sangat berbeza jika dibandingkan dengan wanita pada zaman dahulu. Pada zaman dahulu, wanita dianggap hanya mampu berada di rumah dan menguruskan hal rumah tangga seperti menjaga anak-anak dan sinonim dengan dapur. Namun kini, segalanya telah berubah dan wanita telah menunjukkan perubahan yang positif dengan bangkit dan berusaha untuk turut bersama-sama aktif setanding dengan kaum lelaki dalam perkembangan dunia seiring dengan kehidupan yang semakin mencabar. Oleh itu, wanita kini sebagai sumber utama dalam mempengaruhi pembangunan generasi akan datang dan menjadi penyumbang kepada ekonomi (Omar & A.Rahim, 2015). Menurut data pada tahun 2018 daripada SME Corporation Malaysia, seramai 20.6% perusahaan kecil dan sederhana (PKS) adalah dimiliki dan diuruskan oleh golongan wanita.

Perusahaan kecil dan sederhana memainkan peranan penting dalam ekonomi negara kerana 98.5% perniagaan di Malaysia adalah golongan PKS. Walau bagaimanapun, golongan wanita bekerja yang melibatkan diri dalam sektor perusahaan kecil dan sederhana ini terpaksa menghadapi pelbagai cabaran dan halangan yang menjurus kepada aspek fizikal dan juga mental. Tambahan pula, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan mereka ini mengalami masalah kesihatan mental. Antaranya disebabkan oleh faktor kepelbagaian peranan (Abdullah, 1985; Hamjah & Ismail, 2012), persekitaran seperti lingkungan rumah, sosial mahupun tempat kerja (Hamjah & Ismail, 2012; Rose & Mustafa, 2018; Panatik & Badri, 2012; Panighrahi & Padhy, 2014), kurang pengetahuan mengenai ICT (Agarwal & Lenka, 2015; Rashid, 2016), konflik antara kerja dan keluarga (Aazami, Akmal & Shamsuddin, 2015; Panatik & Badri, 2012; A. Bakar et.al, 2017; Rotondo et.al, 2003; Kim & Ling, 2001), kurang pengetahuan mengenai perniagaan (Agarwal & Lenka, 2015; Che Omar & Nor Azmi, 2015; Rifqi & Mujaheed, 2018), masalah kewangan (Che Omar & Nor Azmi, 2015; Panatik & Badri, 2012; Rifqi & Mujaheed, 2018), bebanan kerja yang tinggi ( Hamjah & Ismail, 2012; Panatik & Badri, 2012; A.Bakar et.al, 2017), kurang sokongan daripada orang sekeliling seperti suami, saudara mara dan keluarga terdekat ( Agarwal & Lenka, 2015) beserta konflik peranan (Abdullah, 1985; Bakar, 2012).

Tambahan lagi, mereka juga menghadapi tekanan dalaman dan tekanan persekitaran. Namun begitu, terdapat segelintir wanita yang menganggap bahawa tekanan ini membolehkan mereka menjadi lebih kuat dalam usaha untuk mencapai kejayaan dalam perniagaan (Nagarathanam, 2015). Walau bagaimanapun, terdapat segelintir wanita bekerja dalam bidang keusahawanan ini tidak dapat mengendalikan tekanan yang dihadapinya dengan baik. Kesemua cabaran-cabaran ini merupakan suatu tanggungjawab yang agak berat untuk dipikul oleh wanita bekerja dalam bidang keusahawanan ini (Nagarathanam, 2015). Hal yang demikian, akan memberi kesan kepada golongan wanita tersebut yang akhirnya mengakibatkan kesan negatif seperti masalah psikologi dan psikiatrik yang akan mengganggu kesejahteraan hidup mereka serta orang yang berada di sekelilingnya. Implikasi situasi negatif tersebut telah menyebabkan mereka ini mudah mengalami kemurungan, kebimbangan dan tekanan sehingga menyebabkan berlakunya konflik kerja sekaligus menyumbang impak negatif kepada keluarga dan kesihatan mental wanita tersebut (Bakar et al., 2017). Oleh itu, mereka akan mengalami masalah kesihatan mental yang boleh menjejaskan kualiti dan gaya kehidupan sehariannya termasuk prestasi kerja. Dengan demikian, masalah kesihatan mental dalam kalangan wanita bekerja di sektor PKS ini perlu diberi perhatian dan kesedaran yang khusus berikutan masalah ini semakin membimbangkan dan boleh menjejaskan tahap kesejahteraan kehidupan seharian mereka serta seterusnya akan mempengaruhi bidang perindustrian negara kita.

Oleh sebab itu, satu kajian tinjauan terhadap kesihatan mental dalam golongan wanita bekerja di PKS perlu dilaksanakan. Namun, penentuan populasi dan pemilihan sampel kajian menjadi masalah kerana tiada garis panduan yang jelas dan boleh dijadikan rujukan untuk menentukan saiz sampel kajian dan membuat pemilihan sampel bagi populasi yang tidak mempunyai maklumat lengkap. Antaranya masalah yang dihadapi oleh penyelidik adalah:

- (a) Data yang direkodkan oleh SME Corporation Malaysia hanya bilangan PKS yang dimiliki oleh kaum wanita. Tiada statistik bagi wanita yang bekerja di sektor PKS.
- (b) Jabatan Statistik Negara hanya mempunyai statistik wanita bekerja sahaja. Selain itu, statistik ini tidak merangkumi bilangan kaum wanita bekerja yang tidak direkodkan dalam sistem ekonomi Malaysia seperti penjual goreng pisang, perniagaan dari rumah (*home-based business*) dan lain-lain lagi.

Sehubungan dengan itu, tujuan artikel ini adalah membincangkan proses pembangunan kerangka persampelan bagi kajian ini agar kajian ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan seterusnya mencapai objektif kajian ini iaitu tinjauan kesihatan mental dalam kalangan wanita bekerja di sektor PKS.

## 2. Metodologi

Kajian tinjauan mempunyai syarat saiz sampel yang minimum dengan merujuk kepada kaedah penentuan sampel saiz tertentu. Selain itu, teknik persampelan yang dipilih juga perlu bersesuaian dengan kajian tinjauan yang ingin

dilaksanakan. Menurut Bhattacharjee (2021), sampel mesti ditentukan melalui tiga fasa iaitu (1) Populasi, kumpulan yang penyelidikan akan melakukan generalisasi, (2) *Sampling frame*, ciri-ciri yang penyelidikan akan pilih sampel, (3) Sampel, responden yang terlibat dalam kajian penyelidikan. Untuk membangunkan kerangka persampelan kajian ini, *sample design method with four steps* telah digunakan untuk mendapatkan anggaran saiz sampel dengan menggunakan formula untuk membina kerangka persampelan kajian ini. Seterusnya teknik persampelan yang digunakan adalah teknik persampelan strata (iaitu mengikut negeri) manakala saiz sampel ditentukan berdasarkan Jadual Saiz Sampel yang diperkenalkan oleh Krejcie & Morgan (1970). Walaupun pengiraan saiz sampel Krejcie & Morgan telah lama diperkenalkan, namun, kebanyakan kaedah penentuan saiz sampel masih merujuk kepada hasil kerja mereka dengan mengambil kira *confidence level* sebanyak 5%.

Populasi kajian ini merupakan golongan wanita bekerja dalam sektor perusahaan kecil dan sederhana di seluruh Malaysia. Oleh itu, sampel mesti merangkumi ciri-ciri seperti berikut:

- (a) Wanita di Malaysia
- (b) Wanita yang bekerja sahaja
- (c) Sektor perusahaan kecil dan sederhana sahaja
- (d) 14 buah negeri di Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan

Data yang dirujuk adalah:

- (a) Peraturan Perusahaan Kecil dan Sederhana yang terdapat di Malaysia dengan jumlah keseluruhan sebanyak 907 065 buah perusahaan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016).
- (b) Saiz operasi PKS di Malaysia pula adalah sebanyak 5 hingga 200 orang pekerja (SME Corporation Malaysia, 2016). Nisbah penduduk mengikut jantina di Malaysia pula adalah 107 lelaki bagi setiap 100 perempuan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019).
- (c) Kadar wanita bekerja di Malaysia pula adalah 54.3 peratus (Statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Berita Harian 5 September 2017)

Langkah 1 : Dapatkan anggaran bilangan Perusahaan Kecil dan Sederhana yang terdapat di Malaysia mengikut negeri. Formula yang digunakan adalah:

$$\text{Bil. PKS setiap negeri} = \text{Taburan peratusan PKS setiap negeri di Malaysia} \times \text{Bil. PKS di Malaysia}$$

Langkah 2 : Dapatkan anggaran bilangan pekerja di PKS Malaysia dengan merujuk *thumb rules* 5 hingga 200 orang pekerja seperti yang ditetapkan oleh SME Corporation Malaysia. Formula adalah:

$$\text{Bil. pekerja PKS di setiap negeri} = \text{Bil. PKS ikut negeri di Malaysia} \times \text{Saiz operasi PKS di Malaysia}$$

Langkah 3 : Dapatkan anggaran wanita bekerja di Malaysia mengikut kadar 54.3%. Formula digunakan adalah:

$$\text{Bil. wanita bekerja di PKS} = \text{Bil. pekerja PKS di setiap negeri} \times 54.3\%$$

Langkah 4 : Dapatkan saiz sampel mengikut anggaran populasi yang diperoleh dari Langkah 4 dengan merujuk kepada Jadual Saiz Sampel yang diperkenalkan oleh Cohen et al. (2001). Anggaran jumlah sampel yang diperlukan daripada populasi adalah sekurang-kurangnya 384 untuk mencapai aras keyakinan 95%. Formula yang digunakan adalah:

$$\text{Bil. sampel ikut negeri} = \text{Anggaran wanita bekerja PKS setiap negeri} / \text{jumlah anggaran wanita bekerja PKS} \times 384$$

### 3. Kerangka Persampelan Kajian Tinjauan untuk Kesihatan Mental Wanita Bekerja dalam Sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana

Untuk membangunkan kerangka persampelan kajian ini, lima langkah reka bentuk sampel kajian perlu dilaksanakan. Langkah pertama adalah menentukan bilangan PKS di Malaysia mengikut setiap negeri. Seperti yang dipaparkan dalam laman web SME Corporation Malaysia, jumlah keseluruhan PKS di Malaysia adalah sebanyak

907065 buah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016). Jadual 1 merupakan pengiraan bilangan PKS mengikut negeri berdasarkan data dari laman web SME Corporation Malaysia iaitu peratusan mengikut negeri dan jumlah PKS di Malaysia (<https://www.smecorp.gov.my/index.php/en/policies/2020-02-11-08-01-24/sme-statistics>).

**Jadual 1 - Bilangan PKS di Malaysia mengikut negeri**

Negeri	Peratusan (%)	Bilangan (f)	Negeri	Peratusan (%)	Bilangan (f)
Perlis	0.8	$0.8/100 \times 907\ 065$ = <b>7257</b>	Melaka	3.5	$3.5/100 \times 907\ 065$ = <b>31 747</b>
Pulau Pinang	7.4	$7.4/100 \times 907\ 065$ = <b>67 123</b>	Johor	10.8	$10.8/100 \times 907\ 065$ = <b>97 962</b>
Kedah	5.4	$5.4/100 \times 907\ 065$ = <b>48 982</b>	Kelantan	5.1	$5.1/100 \times 907\ 065$ = <b>46 260</b>
Perak	8.3	$8.3/100 \times 907\ 065$ = <b>75 286</b>	Terengganu	3.2	$3.2/100 \times 907\ 065$ = <b>29 026</b>
Selangor	19.8	$19.8/100 \times 907\ 065$ = <b>179 599</b>	Pahang	4.1	$4.1/100 \times 907\ 065$ = <b>37 190</b>
WP. Kuala Lumpur	14.7	$14.7/100 \times 907\ 065$ = <b>133 339</b>	WP. Labuan	0.3	$0.3/100 \times 907\ 065$ = <b>2 721</b>
WP. Putrajaya	0.1	$0.1/100 \times 907\ 065$ = <b>907</b>	Sabah	6.2	$6.2/100 \times 907\ 065$ = <b>56 238</b>
Negeri Sembilan	3.6	$3.6/100 \times 907\ 065$ = <b>32 654</b>	Sarawak	6.7	$6.7/100 \times 907\ 065$ = <b>60 773</b>

Seterusnya adalah langkah untuk mengira anggaran bilangan pekerja di PKS Malaysia dengan merujuk *thumb rules* 5 hingga 200 orang pekerja seperti yang ditetapkan oleh SME Corporation Malaysia. Penyelidik memutus untuk mengambil nilai maksimum iaitu anggaran 200 orang pekerja bagi setiap PKS. Pengiraannya adalah seperti dalam Jadual 2. Berdasarkan pengiraan tersebut, dapat dianggarkan bilangan pekerja PKS di Malaysia adalah seramai 181,412,800.

**Jadual 2 - Anggaran bilangan pekerja PKS di Malaysia mengikut negeri**

Negeri	Bilangan (f)	Negeri	Bilangan (f)
Perlis	$7\ 257 \times 200 = 1.45$ juta	Melaka	$31\ 747 \times 200 = 6.3$ juta
Pulau Pinang	$67\ 123 \times 200 = 13.4$ juta	Johor	$97\ 962 \times 200 = 19.6$ juta
Kedah	$48\ 982 \times 200 = 9.8$ juta	Kelantan	$46\ 260 \times 200 = 9.3$ juta
Perak	$75\ 286 \times 200 = 15.1$ juta	Terengganu	$29\ 026 \times 200 = 5.8$ juta
Selangor	$179\ 599 \times 200 = 36$ juta	Pahang	$37\ 190 \times 200 = 7.4$ juta
WP. Kuala Lumpur	$133\ 339 \times 200 = 27$ juta	WP. Labuan	$2\ 721 \times 200 = 0.5$ juta
WP. Putrajaya	$907 \times 200 = 0.2$ juta	Sabah	$56\ 238 \times 200 = 11.2$ juta
Negeri Sembilan	$32\ 654 \times 200 = 6.5$ juta	Sarawak	$60\ 773 \times 200 = 12.2$ juta

Langkah 3 adalah menentukan anggaran wanita bekerja di Malaysia. Memandangkan 98.5% perniagaan di Malaysia adalah PKS (SME Corporate Malaysia, 2020), maka penyelidik menganggarkan bilangan pekerja wanita di PKS adalah pada kadar 54.3% kerana kadar 54.3% adalah bilangan penduduk wanita yang bekerja di Malaysia (Statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2016). Dapatan adalah seperti Jadual 3 dengan anggaran bilangan pekerja wanita di PKS adalah seramai 97,962,912.

**Jadual 3 - Anggaran Bilangan Pekerja Wanita PKS di Malaysia mengikut negeri**


Negeri	Bilangan (f)	Negeri	Bilangan (f)
Perlis	$1451400 \times 54\% =$ 783756	Melaka	$6349400 \times 54\% =$ 3428676
Pulau Pinang	$13424600 \times 54\% =$ 7249284	Johor	$19592400 \times 54\% =$ 10579896
Kedah	$9796400 \times 54\% =$ 5290056	Kelantan	$9252000 \times 54\% =$ 4996080

Perak	15057200 x 54% = 8130888	Terengganu	5805200 x 54% = 3134808
Selangor	35919800 x 54% = 19396692	Pahang	7438000 x 54% = 4016520
WP. Kuala Lumpur	26667800 x 54% = 14400612	WP. Labuan	544200 x 54% = 293868
WP. Putrajaya	181400 x 54% = 97956	Sabah	11247600 x 54% = 6073704
Negeri Sembilan	6530800 x 54% = 3526632	Sarawak	12154600 x 54% = 6563484

Dengan merujuk kepada Jadual Saiz Sampel Krejcie & Morgan (1970), apabila nilai populasi (N) seramai 97,962,912, maka minimum saiz sampel (n) yang diperlukan adalah seramai 384 sahaja. Maka langkah terakhir yang perlu dilakukan untuk menghasilkan kerangka persampelan kajian ini adalah pengiraan saiz sampel pekerja wanita di PKS.

**Jadual 4 - Anggaran Saiz Sampel Pekerja Wanita PKS di Malaysia mengikut negeri**

Negeri	Bilangan (f)	Negeri	Bilangan (f)
Perlis	3	Melaka	13
Pulau Pinang	28	Johor	41
Kedah	21	Kelantan	20
Perak	32	Terengganu	12
Selangor	76	Pahang	16
WP. Kuala Lumpur	56	WP. Labuan	1
WP. Putrajaya	1	Sabah	24
Negeri Sembilan	14	Sarawak	26



**Rajah 1 - Kerangka persampelan kajian**

Jika dibandingkan dengan kajian Mason & Wilson (2003), kadar majikan dengan pekerja yang digunakan adalah 1 nisbah 4 untuk menentukan saiz populasi. Sekiranya ratio 1:4 digunakan, maka jumlah PKS di Malaysia sebanyak 907065 akan mempunyai bilangan pekerja seramai 3628260. Tapi penyelidik telah membuat pengiraan dan menganggarkan saiz populasi seramai 181,412,800. Nilai anggaran saiz populasi ini telah melebihi ratio 1:4, dan jika merujuk kepada Jadual saiz Sampel Krejcie & Morgan (1970), bilangan minimum sampel diperlukan adalah 384 juga bagi saiz populasi yang melebihi nilai 1,00,000. Terdapat juga cadangan penyelidik lain dalam penentuan saiz populasi pekerja seperti Commonwealth of Australia (2008). Kajian mereka menggunakan teknik saiz sampel minimum untuk

menentukan saiz sampel kajian dengan ratio 1:50, iaitu setiap kumpulan sampel kajian mesti mempunyai saiz sebanyak 50 orang. Sekiranya ratio 1:50 digunakan, maka jumlah PKS di Malaysia sebanyak 907 065 akan mempunyai bilangan pekerja seramai 45,353,250. Namun, penyelidik telah membuat anggaran saiz populasi bagi kajian ini seramai 181,412,800 dengan jumlah bilangan PKS Malaysia sebanyak 907065. Anggaran saiz populasi kajian ini telah melebihi cadangan pengiraan saiz populasi bagi penyelidik lain.

#### 4. Kesimpulan

Penentuan saiz sampel dan pemilihan sampel dalam kajian tinjauan merupakan langkah penting bagi memastikan hasil kajian dapat generalisasi ke atas populasi. Oleh itu, penyelidik perlu mereka bentuk sampel dengan merujuk kepada sumber seperti jadual saiz sampel dan teknik persampelan yang selari dengan objektif kajian. Bagi populasi kajian yang infiniti, kaedah ratio atau penggunaan formula matematik amat digalakkan untuk mendapatkan anggaran saiz sampel. Walau bagaimanapun, untuk memastikan hasil kajian yang diperoleh adalah jitu dan tepat, penggunaan statistik masih diperlukan seperti *sample saiz power* dan taburan data. Adalah diharap kerangka persampelan kajian ini dapat dijadikan rujukan kepada penyelidik lain yang menjalankan kajian serupa dan menghadapi masalah untuk menentukan saiz sampel dan pemilihan sampel.

#### Penghargaan

Kajian ini adalah disokong oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (MOHE) melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2018/SS05/UTHM/02/2) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia melalui Geran Penyelidikan Pascasiswazah Fasa 1/2019 (vot.H428).

#### Rujukan

- Aazami, S., Akmal, S., & Shamsuddin, K. (2015). A model of work-family conflict and well-being among Malaysian working women. *Work*, 52(3), 687–695. <https://doi.org/10.3233/WOR-152150>
- Abdullah, F. (1985). *Wanita Dan Pekerjaan: Akademika*, (27), 77–93
- Agarwal, S., & Lenka, U. (2015). Study on work-life balance of women entrepreneurs –review and research agenda. *Industrial and Commercial Training*, 47(7), 356–362. <https://doi.org/10.1108/ICT-01-2015-0006>
- Bakar, N. R. A. (2012). Wanita bekerja dan pengurusan keluarga. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(7), 155–162. Retrieved from <http://core.ac.uk/download/pdf/11494530.pdf>
- Bakar, T. @ S. A., Panatik, S. A., Ali, A. M., & Saat, M. M. (2017). Kesihatan Mental Dalam Kalangan Usahawan. *Work Conflicts on Families and Mental Health Among Women. Journal of Humanities Language, Culture and Business*, 1(5), 53–67
- Bhattacharjee, A. (2021). *Research Methods for the Social Sciences*. Retrieved August 2, 2021, from <https://courses.lumenlearning.com/suny-hccc-research-methods/>
- Che Omar, C. M. Z., & Nor Azmi, N. M. (2015). Factors Affecting the Success of Bumiputera Entrepreneurs in Small and Medium Enterprises (SMEs) in Malaysia. *The International Journal of Management Science and Business Administration*, 1(9), 40–45. <https://doi.org/10.18775/ijmsba.1849-5664-5419.2014.19.1004>
- Commonwealth of Australia. (2008). *Employer Survey Guide*. Retrieved May 2, 2018, from [https://www.acer.org/files/AQTF\\_EmployerSurveyGuide.pdf](https://www.acer.org/files/AQTF_EmployerSurveyGuide.pdf)
- Hamjah, S. H., & Ismail, A. (2012). Kaedah Mengatasi Tekanan dalam kalangan Wanita Bekerjaya dari Perspektif al-Ghazali. *Jurnal Al-Hikmah*, 4, 64–75
- Ismahalil, I. (2017). Peranan wanita dalam institusi keluarga, 1–12
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2016). No Title. Retrieved from <http://www.smecorp.gov.my/index.php/en/policies/2015-12-21-09-09-49/smestatistics>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). Penyertaan wanita dalam keusahawanan Banci Ekonomi 2016, (December), 8–9.

- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2018). Jabatan perangkaan Malaysia. Statistics of Graduates in the Labour Force Malaysia. <https://doi.org/2289-3083>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). Siaran Akhbar 2016. Retrieved from [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=164&bul\\_id=ZzNBdUIWT2l4NE4xNCt6U2VNc1Q2QT09&menu\\_id=Z0VTZGU1UHBUT1VJMF1paXRRR0xpdz09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=164&bul_id=ZzNBdUIWT2l4NE4xNCt6U2VNc1Q2QT09&menu_id=Z0VTZGU1UHBUT1VJMF1paXRRR0xpdz09)
- Kim, J. L. S., & Ling, C. S. (2001). Work-family conflict of women entrepreneurs in Singapore. *Women in Management Review*, 16(5), 204–221. <https://doi.org/10.1108/09649420110395692>
- Krejcie, R.V. & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample saiz for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610. [https://home.kku.ac.th/sompong/guest\\_speaker/KrejcieandMorgan\\_article.pdf](https://home.kku.ac.th/sompong/guest_speaker/KrejcieandMorgan_article.pdf)
- Mason, G. & Wilson, R. (2003). Employer's skill survey new analyses and Lessons Learned. Retrieved May 2, 2018, [https://www2.warwick.ac.uk/fac/soc/ier/publications/2003/mason\\_and\\_wilson\\_2003.pdf](https://www2.warwick.ac.uk/fac/soc/ier/publications/2003/mason_and_wilson_2003.pdf)
- Nagarathanam, R. (2015). Potensi dan Peningkatan Kejayaan Usahawan Wanita di Malaysia
- Omar, F. I., & A.Rahim, S. (2015). Penyertaan Digital dan Ciri Keusahawanan Dalam Pemeriksaan Usahawan Wanita Di Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*, 31(1), 241–256
- Panatik, S. A., & Badri, S. K. Z. (2012). Konflik Kerja-keluarga , Kesehatan Mental dan Kecenderungan Tukar. *Teknologi (Social Sciences)*, 59(1998), 51–56
- Panigrahi, A., Padhy, A. P., & Panigrahi, M. (2014). Mental health status among married working women residing in Bhubaneswar City, India: A psychosocial survey. *BioMed Research International*, 2014. <https://doi.org/10.1155/2014/979827>
- Rashid, S. M. R. A. (2016). Keupayaan Ict Dalam Meningkatkan Pencapaian Usahawan Wanita : Satu Kajian Kes Usahawan. *E-Bangi*, 11(2), 78–103
- Rifqi, M. H. M. A., & Mujaheed, H. M. (2018). Faktor penglibatan dan cabaran wanita Melayu dalam keusahawanan di Malaysia
- Rose, N. N., & Mustafa, M. Y. (2018). Tekanan dalam kalangan Wanita Bekerja : Khidmat Bantu Kaunseling Menggunakan Konsep Teori Tekanan Lazarus dan Praktis Terapi Berfokus Solusi Abstrak Stress Among Working Women : Counselling Services Using the Lazarus Stress Theory and the Practice of Solu. *Asian Social Work Journal*, 3(1), 28–34. Retrieved from <http://link.springer.com/10.1007/s10897-018-0236-6>
- Rotondo, D. M., Kincaid, J. F., & Carlson, D. S. (2003). Coping with multiple dimensions of work-family conflict. *Personnel Review*, 32(3), 275–296. <https://doi.org/10.1108/00483480310467606>
- SME Corporation Malaysia. (2019). Definisi PKS. Laman Rasmi SME Corp Malaysia. Retrieved from <http://www.smecorp.gov.my/index.php/my/polisi/2015-12-21-09-09-49/sme-definition>